

UUM ONLINE: Lebih 200 bungkus Bubur Lambuk diedarkan oleh Pusat Islam, Universiti Utara Malaysia (UUM) kepada pesakit dan jururawat yang bertugas di Hospital Jitra petang tadi.

Pengarah Pusat Islam, UUM, Prof Madya Dr Ismail Ishak berkata, pengedaran bubur lambuk yang disediakan oleh kakitangannya dan staf dari kampus ini adalah sebagai penghargaan kepada masyarakat setempat.

Katanya, setiap tahun hampir RM30 ribu diperuntukkan oleh pihak pengurusan dan sumbangan orang ramai termasuk jabatan-jabatan di universiti ini bagi menyediakan bubur lambuk.

"Setiap tahun selain daripada mengagihkan kepada pelajar dan kakitangan kampus pihak UUM turut mengagihkan kepada masyarakat setempat termasuk kepada penduduk di negeri Perlis," katanya.

Walaupun sumbangan ini dilihat kecil tetapi masyarakat setempat menghargai kerana dapat bersama-sama bergotong-royong dan merasai kelazatan bubur yang mempunyai ramuannya tersendiri.

Pengedaran bubur lambuk kepada pesakit dan jururawat di Hospital Jitra disampaikan oleh Ustaz Zabadi Mokhtar bagi pihak pengarah.

Antara mereka yang menerima bubur ini ialah guru dari Sekolah kebangsaan Sultan Ahmad Tajudin, Nur Enajas Liya Zainal yang baru melahirkan anak kembar lelaki Wan Akif Nukman dan Wan Aqil Nazhan.

Manakala yang lain terdiri daripada pesakit, lelaki, perempuan dan kanak-kanak.

Habis.

=====

DARIPADA:
SEKSYEN MEDIA
UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
UNIVERSITI UTARA MALAYSIA
TEL.: 04-928 3007/3014/3066/4078
FAKS: 04-928 3016
E-MEL: ukkuum@uum.edu.my